

U 8865 AAB
MAHATHIR - PITA R R R

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- TENGKU RAZALEIGH HAMZAH SEHARUSNYA MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN KEBENARAN MENGENAI PITA RAKAMAN YANG DIKATAKAN MENGANDUNGI UCAPANNYA MENGENAI HASRAT MAHU MENGHAPUSKAN RAS SEKIRANYA PARTI SEMANGAT 46 MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SAMBIL MENYIFATKAN TINDAKAN ITU SEBAGAI +TIDAK BEGITU BERANI+, PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 ITU BERTUJUAN MAHU +MENUTUP MULUTNYA+ DENGAN MEMBAWA PERKARA ITU KE MAHKAMAH.

+KALAU BERANI KITA SERAH KEPADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN BETUL ATAU TIDAK. INI HENDAK SURUH MAHKAMAH TUTUP MULUT SAYA, SUSAHLAH,+ KATANYA KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM, DI MENARA DATUK ONN, PUBAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI.

TENGKU RAZALEIGH HARI INI MENGEMUKAKAN SAMAN MALU DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI TERHADAP DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN BERKATA BELIAU TIDAK PERNAH MENYEBUT AKAN MENGHAPUSKAN PAS DAN DAP APABILA +BARISAN ALTERNATIF+ BERKUASA.

BELIAU MENYIFATKAN UCAPAN-UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERKARA ITU, YANG DIBIARKAN DI AKHBAR-AKHBAR, SEBAGAI TIPU HELAH SEMATA-MATA DAN LAHIR DARIPADA TUJUAN DATUK SERI DR MAHATHIR UNTUK MEMBUBARKAN +BARISAN ALTERNATIF+ YANG TERDIRI DARIPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TINDAKAN MEMBAWA PERKARA ITU KE MAHKAMAH MERUPAKAN STRATEGI YANG DIGUNAKAN OLEH TENGKU RAZALEIGH DALAM PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

+KALAU NAK KIRA KITA PUN BOLEH Mencari MACAM-MACAM UNTUK MENDAKWA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI LAWAN TETAPI KITA TIDAK MEMBUAT APA-APA DAKWAAN KERANA KITA MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN,+ KATANYA. -- LAGI

1528MST 06 10 90

U 8877 AAB

MAHATHIR - PITA 2 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA PITA ITU AKAN DIEDARKAN KEPADA UMUM, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MAHU MENUNGGU TERLEBIH DAHULU TENGKU RAZALEIGH MEMBAWA PERKARA TERSEBUT KE MAHKAMAH KERANA BELIAU TELAH MENYATAKAN AKAN BERBUAT DEMIKIAN.

MENGENAI PEMERHATI PILIHAN RAYA DARI KOMANWEL, BELIAU BERKATA, KERAJAAN AKAN MEMBENARKAN LAPORAN YANG DIBUAT OLEH PEMERHATI ITU MENGENAI PILIHAN RAYA DI NEGARA INI DIBIARKAN KEPADA UMUM SEKIRANYA KERAJAAN MENERIMA LAPORAN TERSEBUT DARIPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL, CHIEF AMEKA ANYOUKU.

KATANYA, PEMERHATI ITU AKAN MEMBUAT LAPORAN KEPADA CHIEF ANYOUKU DAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL ITU AKAN MENGEMUKAKAN LAPORAN ITU KEPADA KERAJAAN.

-- LAGI

1608MST 06 10 90

0404

U 8881 AAB
MAHATHIR - PITA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEMERHATI ITU TELAH PUN
DIBERITAHU MENGENAI PEMBUBARAN PARLIMEN.

UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BERSEDIA LEBIH AWAL UNTUK DATANG KE
NEGARA INI, MEREKA TELAH DIBERITAHU BAHAWA PILIHAN RAYA DI MALAYSIA
KADANGKALA TIDAK MENGAMBIL MASA YANG LAMA, KATANYA.

DITANYA SAMA ADA PEMERHATI ITU TIDAK MEMPUNYAI MASA YANG CUKUP
UNTUK MEMERHATI PILIHAN RAYA NEGARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA,
PADA KETIKA ITU BELIAU TIDAK BOLEH MEMBERITAHU TARIKH PEMBUBARAN
PARLIMEN.

+KITA BERITAHU KITA TIDAK BOLEH MENENTUKAN TARIKH PILIHAN RAYA
SEBAB INI ADALAH PILIHAN RAYA YANG MEMPUNYAI TEMPOH KEMPEN YANG
SINGKAT. YANG KITA BOLEH BUAT CUMA MEMBERITAHU TENTANG TARIKH
PEMBUBARAN PARLIMEN BAHAJA KERANA YANG LAIN ADALAH URUSAN
BURUHANJAYA PILIHAN RAYA, BUKANNYA URUSAN KITA,+ KATANYA.

KATANYA, URUSAN KEDATANGAN PEMERHATI ITU DIBUAT OLEH WISMA
PUTRA. -- LAGI

1616MST 06 10 90

0405

U 8882 AAB
MAHATHIR - PITA 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA, PEMERHATI ITU AKAN DIBERIKAN SENARAI NAMA
PENGUNDI SERTA PETA-PETA KAWASAN PILIHAN RAYA DAN MEREKA DIBENARKAN
MENEMUI PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK TAHU SAMA ADA PARTI PEMBANGKANG
BERSETUJU DENGAN UNDANGAN PEMERHATI ITU.

KATANYA, PEMERHATI ITU AKAN MEMERHATIKAN SEGALA PERJALANAN
PILIHAN RAYA BERASASKAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG ADA,
TERMASUK HAK BER CERAMAH YANG SAMA ANTARA PARTI PEMERINTAH DAN
PEMBANGKANG.

TIDAK ADA PERBEZAAN ANTARA PARTI PEMERINTAH DAN PARTI LAWAN, DAN
SEKIRANYA ADA SEKATAN, KEDUA-DUANYA AKAN DIKENAKAN SEKATAN YANG
SERUPA, KATANYA. -- BERNAMA

1618MST 06 10 90